

Ini cara meluahkan cinta kepada Allah s.w.t. Nombor 7 ini paling susah nak buat. Betul tak? **88**

# SOLUSI

*Panduan  
Hidup  
Bersyariat*

MOTIVASI **119**  
FARDU AIN  
2018 • PP 15048/05/2013 (032162)

AB  
AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
(Incorporated in Malaysia)

## LGBT Fitrah **atau** Serakah?

Anak Didik Kaum Sodom

Polisi  
Najasyi  
**40**



K-Pop  
Hampir  
Meletup **80**



[ PENDAKWAH NUSANTARA ]

**PENYAMBUNG LEGASI DAKWAH**  
PENCARIAN PENDAKWAH MUDA TERBAIK DITERUSKAN LAGI  
**SETIAP JUMAAT, 9:00 MALAM**

**TV3**  
#daiTV3



Sebuah terbitan



MAJALAH INI MENGANDUNGI  
AYAT SUCI AL-QURAN,  
PELHARALAH KESUCIANNYA



**HARAMAIN**  
Dr. Abdul Basit Abdul Rahman  
AGHAWAT: KHADAM  
AL-HARAMAIN **58**



**MUSTAQIM**  
Dr. Nidzam Abdul Kadir  
SAYA GAY YANG SOLEH  
DAN BERTAKWA **66**



RM10.00 (SEW)  
RM12.00 (S/S)  
SGD7.50  
BND7.50  
USD10.00  
EUR8.00  
IDR35,000.00  
AUD7.50

# Analisis Dialog Nabi Lut dan Kaumnya

**A** pabila kita membuat analisis ke atas ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kisah Nabi Lut dan kaumnya, kita akan dapati permasalahan utama yang membelenggu masyarakat ketika itu adalah budaya dan amalan songsang seks bersama pasangan sejenis. Perlakuan songsang ini kemudiannya menyebabkan bahaya dan kesan yang buruk kepada jiwa, sosial, kemanusiaan, kesihatan, akhlak, perlakuan dan agama.

Dalam konteks ini, Nabi Lut tidak memulakan dakwahnya dengan seruan tauhid. Mengapa?

## PENDEKATAN DAKWAH

Tidak memulakan dengan seruan tauhid	Memulakan dengan seruan tauhid
Nabi Lut	Nabi Nuh, Nabi Hud, Nabi Soleh, Nabi Syuaib dan lain-lain.

Mengapa Nabi Lut tidak memulakan dakwah dengan seruan tauhid? Ia bergantung kepada situasi:

### 1 Penyelewengan kepercayaan (akidah)

Penyelewengan jenis ini berlaku apabila ada yang menyekutukan Allah dengan menyembah selain-Nya seperti patung dan berhala. Oleh itu, para nabi memulakan dakwah mereka dengan mengubati penyelewengan jenis ini.

Sebab itulah mesej pertama yang dimulakan adalah berkenaan seruan tauhid supaya pemikiran mereka kembali pulih dan beribadah hanya kepada-Nya.

### 2 Penyelewengan perlakuan (tabiat)

Inilah penyelewengan yang dihadapi oleh Nabi Lut apabila berhadapan dengan kaumnya. Penyelewengan jenis ini hanya dilakukan oleh kaumnya dan tidak dilakukan oleh kaum-kaum yang lain. Penyelewengan ini bukanlah penyelewengan kepercayaan yang berkaitan dengan perbuatan syirik kepada Allah.

Apa yang boleh difahami adalah:

- Perlakuan kaum Nabi Lut **bertentangan dengan fitrah kemanusiaan**, maka fokus perlu diberikan terlebih dahulu kepada penyelewengan besar mereka.
- Kaum Nabi Lut terlalu **asyik dengan penyelewengan syahwat mereka**. Oleh itu, jika Nabi Lut memulakan dakwah dengan memperbetul penyelewengan kepercayaan mereka, adakah mereka akan mendengar jika syahwat telah merajai diri?

Sebab itulah Nabi Lut ingin kaumnya mem-**bersih**kan fizikal mereka **daripada syahwat** yang dicemarkan dan dipertuhankan terlebih dahulu supaya mereka kembali suci **sebelum dihidangkan** dengan **seruan tauhid**. Seolah-olah Nabi Lut ingin berkata kepada mereka:

“Bersihkan jasad kamu terlebih dahulu, kemudian kembalilah kepada fitrah syahwat manusia yang telah ditetapkan oleh Allah. Salurkan syahwat kamu kepada perempuan! Kemudian beribadallah hanya kepada Allah Yang Maha Esa!” (Solah al-Khalidi, *al-Qasas al-Qur’ani*).

## PENDIRIAN NABI LUT

### i Tegas

Hakikatnya, Nabi Lut sangat bertegas ke atas kaumnya yang melakukan perlakuan songsang secara terbuka tanpa ada perasaan malu. Ini kerana keseluruhan dialog antara Nabi Lut dan kaumnya tidak menggambarkan sikap berlemah lembut baginda apabila menyatakan kesalahan perbuatan mereka. Nabi Lut bertegas apabila memerangi perbuatan terkutuk itu.

Oleh itu, apabila golongan LGBT mula melakukan kemungkaran secara terang-terangan dan menuntut hak yang tidak sepatutnya diberikan





(hak untuk mencintai, berkahwin dan melakukan hubungan seks dengan pasangan sejenis), maka isu ini perlu ditangani **secara tegas**. Yang memerangi cara hidup songsang mereka.

## ii Santun dalam Ajakan

Namun, apabila baginda memulakan ajakannya, panggilan “wahai kaumku” meniti di bibir baginda sambil memberikan solusi agar fitrah cinta disalurkan kepada jantina yang berbeza. Sama juga, apabila kita berbicara mengajak mereka ke arah kebaikan, **santun dan hikmah** perlu ada pada diri kita walaupun ia menuntut kesabaran yang indah.

### BILA NABI LUT MULA BERTINDAK KE ATAS KAUMNYA?

1. Apabila kaumnya **secara terbuka** melakukan perbuatan di luar tabii di tempat mereka berkumpul **tanpa ada perasaan malu**.
2. Apabila mereka mula **menghalang orang lain** yang menentang keinginan songsang mereka.
3. Apabila **“wabak” ini semakin tersebar** yang menyebabkan berlaku kerosakan sehingga mereka beranggapan perbuatan kotor itu sebagai kebiasaan, manakala sesiapa sahaja yang menentang mereka dianggap kolot dan tidak berfikiran terbuka. Bahkan ada yang menganggap Nabi Lut sebagai “berlagak suci”.

## ReSOLUSI

Menuding jari dengan menyalahkan orang lain dalam isu ini bukanlah satu jalan penyelesaian,

tetapi ia perlu bermula dari kesedaran diri setiap individu.

## 1 Kuatkan institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara

Institusi kekeluargaan perlu dibangunkan semula. Interaksi di dunia maya perlu dikawal dan tumpuan seharusnya diberikan kepada hubungan yang mempunyai sentuhan fizikal antara ahli keluarga. Melalui sentuhan fizikal, nasihat lebih mudah untuk disampaikan dan pembentukan nilai kekeluargaan yang baik lebih mudah digarap. Jika keluarga dijaga dengan baik, kemungkinan masalah sosial ini dapat dibendung sama ada di peringkat masyarakat mahupun negara.

## 2 Betulkan cara berfikir yang menyimpang

Cara berfikir dan sistem kepercayaan yang menyimpang perlu diperbetulkan terlebih dahulu agar pelakunya sedar bahawa perlakuan songsang boleh membawa padah dari sudut fizikal, emosi dan spiritual.

## 3 Menyatakan kebenaran, menentang yang salah


Setiap orang perlu ada cara berfikir sebegini. Jika tidak mampu untuk mengubah dengan tangan, buatlah apa-apa yang termampu. Jika setiap orang mempunyai cara berfikir begini, kita akan sentiasa dikelilingi oleh ramai orang yang sentiasa menasihati.

## 4 Bimbing kembali ke pangkal jalan

Acap kali apabila disebut tentang golongan LGBT, kita mencebik muka memberi tanda sinis kepada golongan ini. Lihat sahaja netizen di laman sosial. Kutukan, celaan, makian dan sumpahan menjadi peluru untuk “menembak” golongan ini. Kasihanilah golongan ini. Mereka juga mempunyai impian seperti kita untuk masuk syurga.

Bimbinglah mereka supaya bertaubat dan berikan cadangan alternatif agar mereka dapat keluar dari lorong hitam itu. Lihatlah bagaimana Nabi Lut membimbing kaumnya yang tersesat dengan menawarkan anak perempuannya sebagai ganti berbanding mereka melakukan perkara luar tabii.

## 5 Bina komuniti bertakwa

Komuniti yang dibina atas dasar takwa dan taat kepada agama akan menjauhkan kita daripada terperangkap dengan bisikan dan belitan iblis yang mahukan kita menjadi hamba kepada nafsu. 

*“Nabi Lut mendapati kaumnya mempunyai masalah penyelewengan tabiat di mana mereka mempraktikkan aktiviti-aktiviti yang pelik dan menjadikan syahwat sebagai tuhan. Kesannya, ia menafikan fitrah kemanusiaan.”*



**Azrul Azlan**

Pemegang Ijazah  
Kedoktoran bahasa Arab  
dari University of Jordan.  
Kini pensyarah di UIAM.  
Merupakan penulis  
Indahnya Hidup Bersyariat  
terbitan Telaga Biru.

Hubungi beliau di  
mohdazrulazlan@gmail.  
com